

Bil. S 15

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))**

PERINTAH DARURAT (HIBURAN AWAM), 1997

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut :–

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Hiburan Awam), 1997 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 hari-bulan Jun, 1997.

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakan makna yang lain –

Tafsiran.

“tempat yang dibenarkan” bermakna, dalam hal sebarang tempat yang dikehendaki untuk dilesenkan di bawah sebarang peraturan bagi pengawalan dan pengawasan tempat-tempat yang mungkin digunakan untuk hiburan awam yang dibuat di bawah peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis, suatu tempat yang dilesenkan demikian dan dalam hal-hal lain suatu bangunan, khemah, lorong atau tempat sama ada terbuka atau tertutup yang dibenarkan bagi maksud-maksud Perintah ini oleh Pegawai Melesen.

“Pegawai Melesen” bermakna pegawai yang dilantik oleh Menteri di bawah bab 4.

“Menteri” bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal dalam negeri.

“hiburan awam” termasuk –

- (a) lakonan, opera, pantomim, lakonan aneka-aneka ragam, persempahan muzik, nyanyian, karaoke, tarian, gimnastik, akrobat dan legerdermain, tablo, pertunjukan, peragaan dan perarakan ;
- (b) pertunjukan bunga api, alatan set, perhiasan peringatan dan gambaran makhluk benar atau khayalan ;
- (c) sarkas dan pameran binatang atau orang ;
- (d) taman hiburan dan pesta keriaan ;

- (e) pameran model, bahan bacaan, gambar, fotograf atau patung atau bentuk-bentuk lain gambaran potongan badan manusia atau binatang ;
- (f) pameran filem, pertunjukan gambar yang dilihat melalui kanta pembesar pada lubang kecil dan pertunjukan boneka ;
- (g) pengeluaran semula atau penyiaran melainkan yang berkaitan dengan suatu filem, dengan sebarang cara selain daripada teleponi atau teleponi radio, sebarang muzik, lagu atau ucapan ;
- (h) mesin dan peranti yang jika dimanipulasi memberikan peluang untuk memenangi hadiah-hadiah dalam bentuk wang atau barang ;
- (i) meja-pin dan permainan video ;
- (j) sebarang jenis pertandingan sukan di antara sebarang jumlah orang atau binatang selain daripada yang dianjurkan oleh sebarang pertubuhan, kesatuan sekerja, syarikat atau persatuan berdaftar ;
- (k) pertandingan berancang bagi permainan kemahiran atau nasib ;
- (l) drama bacaan, deklamasi, kuliah, ceramah, ucapan, perbahasan dan perbincangan ;
- (m) pembahagian khairat, lelong dan penjualan barang-barang untuk tujuan kebajikan atau khairat, pesta dan jamuan di luar rumah ;
- (n) pameran perdagangan yang mengandungi pertunjukan, iklan atau penjualan hasil industri atau bahan-bahan ; atau
- (o) mana-mana gabungan sebarang bentuk hiburan awam yang tersebut di atas,

di sebarang tempat di mana orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai dapat masuk sama ada secara percuma ataupun dengan cara lain termasuk kelab ahli persendirian, tetapi tidak termasuk –

- (i) hiburan awam yang diadakan oleh atau di bawah naungan Kerajaan atau mana-mana Jabatan Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan di bawah sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan Kerajaan tempatan ;

- (ii) istiadat, upacara, sembahyang dan perayaan yang dijalankan secara sah oleh paderi-paderi atau menteri-menteri agama di dalam bangunan yang ditahbiskan secara am atau khas bagi perjalanananya ;
- (iii) ucapan, perbahasan dan perbincangan pada mesyuarat syarikat-syarikat awam, dewan-dewan perniagaan, kesatuan-kesatuan sekerja berdaftar, persatuan-persatuan politik berdaftar atau pertubuhan-pertubuhan yang dikecualikan atau berdaftar di mana orang-orang yang bukan pemegang saham atau ahli, mengikut mana yang berkenaan, disingkirkan dari padanya.
3. Tiada hiburan awam boleh diadakan kecuali – Larangan.
- (a) di suatu tempat yang dibenarkan, dan
- (b) menurut suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pegawai Melesen.
4. Menteri boleh dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* melantik seseorang pegawai sebagai Pegawai Melesen bagi maksud Perintah ini. Lantikan pegawai.
5. Tiap-tiap permohonan untuk mendapatkan suatu lesen hendaklah dalam borang yang ditetapkan. Permohonan untuk mendapatkan lesen.
6. Jika Pegawai Melesen berpuas hati bahawa tanggungjawab untuk mematuhi syarat-syarat suatu lesen dimaksudkan untuk dikongsi di antara dua orang atau lebih dia boleh menghendaki supaya permohonan itu dibuat atas nama seramai mana orang-orang itu bersesama sebagaimana yang difikirkannya patut. Pemohon-pemohon boleh disatukan.
7. Apabila menerima suatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen Pegawai Melesen boleh mengkehendaki pemohon supaya memberi kepadanya maklumat tambahan sebagaimana yang mungkin dikehendakinya. Maklumat tambahan.
8. Tiap-tiap lesen hendaklah dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah menyatakan syarat-syarat yang tertakluk kepadanya ia dikeluarkan dan tarikh tamat tempohnya, iaitu tidak melebihi dari 12 bulan yang kemudian dari tarikh ia dikeluarkan. Isi kandungan lesen.
9. Suatu lesen tidak boleh diperbaharui sebagai suatu hak dan suatu permohonan untuk memperbaharui suatu lesen hendaklah disifatkan sebagai suatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen. Lesen tidak boleh diperbaharui sebagai suatu hak.

- Syarat-syarat.
10. Dalam mengeluarkan suatu lesen Pegawai Melesen boleh mengenakan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.
- Jaminan.
11. (1) Berkaitan dengan jenis-jenis hiburan sebagaimana yang mungkin ditetapkan dari masa ke semasa oleh Menteri dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* dan tertakluk kepada had-had sebagaimana yang mungkin ditetapkan olehnya, Pegawai Melesen, sebelum mengeluarkan suatu lesen, boleh mengkehendaki pemohon, atau, jika terdapat beberapa pemohon, tiap-tiap pemohon yang dinamakan olehnya bagi maksud itu, supaya memberi jaminan, sama ada dalam bentuk pendepositon wang tunai atau dengan membuat suatu bon bahawa peruntukan-peruntukan Perintah ini dan syarat-syarat lesen yang dikeluarkan itu akan dipatuhi dengan sewajarnya.
- (2) Jika seseorang pemohon dikehendaki untuk membuat suatu bon, Pegawai Melesen boleh menghendaki tidak lebih daripada dua orang penjamin supaya membuat bon itu dengan pemohon atau pemohon-pemohon itu.
- (3) Sebarang jumlah wang yang dideposit atau bon yang dibuat di bawah bab ini boleh dilucut hak kesemuanya atau sebahagiannya atas budi bicara Pegawai Melesen apabila lesen itu dibatalkan.
- (4) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan suatu perlucutan hak di bawah bab ini boleh menghendaki Pegawai Melesen supaya memberi kepadanya dalam masa 14 hari alasan perlucutan hak itu.
- (5) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan suatu perlucutan hak di bawah bab ini boleh dalam masa 14 hari dari pemberian kepadanya alasan perlucutan hak itu merayu secara bertulis kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.
- Lesen hendaklah dipamerkan.
12. Pada setiap masa semasa hiburan awam yang diperihalkan dalam suatu lesen diadakan lesen itu hendaklah, jika hiburan awam dilangsungkan di suatu bangunan atau khemah, dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di bangunan atau khemah itu dan dalam segala hal lain lesen itu hendaklah disimpan dalam milik pemegang lesen.
- Penolakan lesen.
13. (1) Pegawai Melesen boleh atas budi bicaranya menolak sebarang permohonan untuk mendapatkan suatu lesen.
- (2) Pegawai Melesen hendaklah, jika dikehendaki demikian oleh pemohon, memberi kepadanya dalam masa 14 hari dari dikehendaki demikian alasan penolakan itu secara bertulis.

(3) Mana-mana pemohon yang tidak puas hati dengan penolakan permohonannya oleh Pegawai Melesen boleh, dalam masa 14 hari dari pemberian kepadanya alasan penolakan itu, merayu secara bertulis kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad. Jika Menteri memutuskan untuk meluluskan suatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen, dia boleh mengenakan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

14. (1) Pegawai Melesen boleh atas budi bicaranya membatalkan atau menggantung suatu lesen, mengikut mana yang berkenaan, jika dia berpuas hati bahawa hiburan awam yang baginya lesen itu dikeluarkan –

Pembatalan lesen.

- (a) adalah punca atau mungkin menjadi punca keadaan tidak aman ;
- (b) adalah atau mungkin seluruhnya atau sebahagiannya bersifat sumbang, lucah, janggal, subversif atau tidak senonoh ;
- (c) telah menyebabkan atau mungkin menyebabkan penderitaan yang tidak perlu atau sebarang kecederaan kepada mana-mana orang atau binatang yang mengambil bahagian di dalamnya, atau kepada para penonton ; atau
- (d) telah diadakan atau mungkin diadakan melainkan menurut syarat-syarat lesen itu atau bertentangan dengan kepentingan awam.

(2) Notis pembatalan atau penggantungan itu hendaklah disampaikan kepada pemegang lesen, dan hendaklah juga jika hiburan awam telah dilangsungkan di dalam suatu bangunan atau khemah dilekatkan pada bangunan atau khemah itu.

(3) Pegawai Melesen hendaklah, jika dikehendaki demikian oleh pemegang lesen, memberi kepadanya dalam masa 14 hari dari dikehendaki demikian alasan secara bertulis pembatalan atau penggantungan lesennya.

(4) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan pembatalan atau penggantungan lesennya oleh Pegawai Melesen boleh, dalam masa 14 hari dari pemberian kepadanya alasan pembatalan atau penggantungan itu, merayu secara bertulis kepada Menteri, yang keputusannya adalah muktamad. Jika Menteri memutuskan untuk memperbarui suatu lesen, dia boleh mengenakan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

- Pengecualian.** 15. Menteri boleh dengan Perintah mengecualikan sebarang hiburan awam atau siri atau jenis hiburan awam daripada semua atau sebarang peruntukan Perintah ini.
- Kuasa-kuasa untuk memasuki dan memeriksa.** 16. Mana-mana Pegawai Melesen atau pegawai polis boleh memasuki tanpa waran sebarang tempat di mana suatu hiburan awam berlesen diadakan dengan tujuan untuk mempastikan sama ada syarat-syarat lesen itu dan peruntukan-peruntukan Perintah ini dipatuhi.
- Kuasa-kuasa untuk menangkap.** 17. (1) Mana-mana Pegawai Melesen atau pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang disyakinya dengan munasabah melakukan atau cuba melakukan, atau bersubahat dengan mana-mana orang untuk melakukan, sebarang kesalahan di bawah Perintah ini dan yang enggan memberi nama dan alamatnya atau yang memberi suatu nama dan alamat yang disyaki dengan munasabah sebagai palsu atau yang memberi suatu alamat di luar Negara Brunei Darussalam atau yang disyaki dengan munasabah mungkin mlarikan diri.
(2) Tiap-tiap orang yang ditangkap itu hendaklah dibawa ke sesebuah balai polis dan hendaklah selepas itu dikendalikan seolah-olah dia telah ditangkap di bawah bab 33 dari Kanun Peraturan Jenayah.
- Penggal 7.**
- Hukuman.** 18. (1) Mana-mana orang yang mengadakan atau membantu dalam mengadakan sebarang hiburan awam yang bukan suatu hiburan awam yang dikecualikan di bawah bab 15 –
(a) tanpa suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Perintah ini ;
(b) semasa lesen itu digantung ;
(c) dengan melanggar sebarang syarat suatu lesen ; atau
(d) dengan melanggar Perintah ini atau sebarang aturan yang dibuat di bawahnya,
ialah melakukan kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000.
(2) Mana-mana orang yang disabitkan atas sebarang kesalahan di bawah Perintah ini, hendaklah, jika kesalahan itu adalah kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan dua kali hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu dan hukuman penjara tidak melebihi dari 2 tahun.
- Beban untuk membuktikan.** 19. Dalam sebarang prosiding di bawah Perintah ini beban untuk membuktikan bahawa orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai tidak dapat memasuki sebarang hiburan awam hendaklah terletak pada orang yang mengatakan fakta itu.

20. Menteri boleh membuat aturan-aturan bagi sebarang maksud yang Aturan-aturan berikut –

- (a) untuk menetapkan bayaran yang akan dikenakan berkaitan dengan lesen ;
- (b) untuk menetapkan borang permohonan bagi mendapatkan lesen, lesen-lesen dan buku-buku yang akan disimpan ;
- (c) untuk menetapkan waktu bila hiburan awam boleh diadakan ;
- (d) pada amnya untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Perintah ini.

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Zulhijah tahun Hijrah 1417 bersamaan dengan 7 haribulan Mei, tahun Masihi 1997 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM